

13/01/2003

Rakyat perlu dididik jaga kebersihan: PM

KAMPAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak boleh dipersalahkan berikutan peningkatan kes demam denggi kerana kerajaan sudah

melakukan yang terbaik menanganinya.

Perdana Menteri berkata, masalah demam denggi yang merebak sekarang tidak boleh dikaitkan dengan dakwaan kononnya kerajaan tidak bertindak kerana pihak berkuasa sudah mengambil pelbagai langkah perlu.

"Bukan soal tindakan. Ini soal pendidikan dan kita mahu media massa membantu mendidik orang ramai.

"Media massa selalu mempersoalkan apakah yang kerajaan lakukan (ketika menghadapi sesuatu masalah) dan saya ingin tahu apakah yang media massa lakukan," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta media massa meningkatkan usaha membantu mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan persekitaran bagi mengelak ia menjadi sarang pembiakan nyamuk Aedes.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kes demam denggi, termasuk kematian semakin meningkat di seluruh negara sejak kebelakangan ini.

Jumaat lalu akhbar ini melaporkan walaupun wad di hospital dipenuhi penghidap denggi, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng menegaskan status

penyakit itu di seluruh negara sekarang bukan wabak.

Chua berkata, demam denggi di negara ini hanya pada peringkat endemik, iaitu berlaku setiap tahun. Malah, kata Chua, di seluruh dunia, kira-kira

50 juta orang dari 100 negara menghidap denggi setiap tahun dan ada yang mengalami peratus kematian akibat denggi berdarah melebihi 50 peratus.

Dr Mahathir berkata, selalunya memang orang ramai akan menuding jari kepada kerajaan, tetapi kerajaan tidak boleh menghalang penyakit berkenaan daripada merebak.

"Jika orang ramai tidak memberi kerjasama, tidak ada cara bagi kita menghentikan penyakit demam denggi daripada merebak.

"Kita selalu menasihatkan orang ramai tidak membiarkan air bertakung di

mana-mana kawasan. Mereka perlu belajar mengenai kebersihan dan bukan membantu penyakit itu merebak dengan bersikap cuai.

"Jika orang ramai enggan bekerjasama menjaga kebersihan, tidak ada cara untuk kita menghentikan denggi daripada merebak," katanya.